



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 7 JANUARI 2022

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	CUACA TAK MENENTU FAKTOR HARGA IKAN NAIK, LOKAL, HM -5 851 WIRA AGRO SELANGOR KERUGIAN RM11.88 JUTA, NEGARA, KOSMO -14	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	UMT BINA RUMAH KETAM RENJUNG, NEGARA, KOSMO -18	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4. 5.	TENGKU AHMAD BADLI SHAH - PRESIDEN, CEO BAHARU AGROBANK, LOKAL, HM -26 TENGKU AHMAD BADLI DILANTIK CEO BAHARU AGROBANK, BISNES SINAR, SH -30	AGROBANK
6.	TIADA ADUAN RASMI HARGA IKAN NAIK, NASIONAL, SH -11	PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)
7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21.	TANAMAN HALIA ROSAK AKIBAT DILANDA BAH, NEGARA, KOSMO -14 RM2.8 JUTA HASIL PERTANIAN, TERNAKAN DI MELAKA MUSNAH, NEGARA, KOSMO -14 STRAWBERRIES RIPE FOR THE PICKING IN PASIR PUTEH, VIEWS, THE STAR -16 SAYU KUTIP BANGKAI AYAM KAMPUNG, ARNAB TERNAKAN, BH -ONLINE NATIONAL AGROFOOD SECTOR SUFFERED OVER RM67 MILLION IN LOSSES DUE TO FLOODS, NEWS, MAKKAL OSAI -6 HARGA 'KELADI EMAS 916' SAMA CIVIC, NEGARA, KOSMO -12 'HARGA DEDAK SYDAH NAIK EMPAT KALI', NEGARA, KOSMO -16 120 EKOR LEMBU 'DIHANYUTKAN' BANJIR, NEGARA, KOSMO -5 BANJIR: PENTERNAK HILANG 120 EKOR LEMBU, BANJIR MELANDA, SH -8 LEBIH 17,000 EKOR HAIWAN MATI AKIBAT BANJIR DI PAHANG, BANJIR MELANDA, SH -8 120 LEMBU HILANG 'DITELAN' BAH, LOKAL, HM -2 USAHAWAN TANI REDA RUGI RM100,000, LOKAL, HM -2 AZOLLA ALTERNATIF MAKANAN TERNAKAN, NIAGA, KOSMO -38 PENTERNAK BIMBANG ANCAMAN GAJAH LIAR, NEGARA, KOSMO -17 GAJAH LIAR PEROSAK, DALAM NEGERI, UM -32	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/1/2022	HARIAN METRO	LOKAL	5

Cuaca tak menentu faktor harga ikan naik

Masjid Tanah: Bukan pe-niaga ambil kesempatan se-balikinya kenaikan harga ikan berpunca akibat cuaca tidak menentu sekaligus menyukarkan nelayan tu-run ke laut.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Ma-fi) menyifatkan kenaikan harga ikan ketika ini hanya bersifat sementara dan di-jangka kemba i stabil apa-bila musim tengkujuh ber-akhir tidak lama lagi.

Timbalan Menteri I Mafi, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, akibat musim tengkujuh sejak November lalu, kebanyakan nelayan di pantai timur dan utara se-menanjung tidak mampu

turun ke laut.

Katanya, kenaikan harga seumpama itu lazimnya bersifat sementara dan akan turun apabila musim angin Monsun Timur Laut berakhir pada penghujung Januari.

“Keadaan cuaca sekarang tidak menentu dan menye-babkan kebanyakan nelayan tidak dapat mencari rezeki tetapi kita yakin harga akan kembali stabil apabila mon-sun itu berakhir,” katanya selepas menyampaikan sumbangan kepada golo-ngan peladang dan penter-nak yang terjejas akibat banjir di Kampung Ramuan Cina Kecil, Lubok Cina, se-malam.



NIK MUHAMMAD ZAWAWI (dua dari kanan) menyantuni seorang Wira Agro yang terjejas akibat banjir di Hulu Langat semalam. - IHSAN JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

Pengusaha projek tanaman terkesam banjir dibantu

851 Wira Agro Selangor kerugian RM11.88 juta

Oleh AMREE AHMAD

PUTRAJAYA – Seramai 851 Wira Agro di Selangor menanggung kerugian dianggarkan berjumlah RM11.88 juta akibat bencana banjir baru-baru ini.

Menurut Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh, mereka adalah sebahagian daripada 5,550 Wira Agro yang terjejas di seluruh negara dengan kerugian keseluruhan dianggarkan berjumlah RM67.72 juta.

Beliau berkata, kementerian itu melalui pelbagai agensi masih melaksanakan penilaian kerugian sebenar dialami golongan sasar dan kerugian tersebut

dijangka terus meningkat.

"Namun, peruntukan pelbagai bantuan diharap memberi nafas baharu kepada Wira Agro yang terjejas.

"Inisiatif tersebut meliputi Dana Bangkit Semula Keluarga Agro berjumlah RM100 juta dan Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agromakanan yang bernilai RM80 juta," katanya selepas menyantuni Wira Agro sekitar Hulu Langat dekat sini semalam.

Beliau turut meninjau keadaan pengusaha projek tanaman cili fertigasi di Sungai Lui dan usahawan projek Industri asas di Dusun Tua di bawah pihak Jabatan Pertanian Selangor.

Wira Agro di daerah tersebut antara yang terjejas teruk ekoran banjir dan telah dibantu melalui siri aktiviti pembersihan dilaksanakan oleh skuad cakra jabatan berkenaan baru-baru ini.

Mereka turut menerima sumbangan khas bakul makanan menerusi inisiatif MAATI Prihatin dan pelbagai input pertanian bagi meringankan beban kewangan mereka.

Justeru, Nik Muhammad Zawawi berharap Wira Agro yang terjejas ekoran isu banjir di beberapa negeri yang terlibat dapat segera pulih dan bangkit semula dalam memastikan kelangsungan keselamatan makanan negara terjamin.

Tanaman halia rosak akibat dilanda bah

TAMPIN – Seorang pekebun terpaksa menanggung kerugian kira-kira RM20,000 apabila projek tanaman halianya yang diusahakan tidak sampai setahun ditenggelami banjir selama dua hari di Taman Pinggiran Sungai Kelamah, di sini.

Menurut Normaheram Ismail, 50, dia memulakan projek halia berkenaan menggunakan modal sendiri sebanyak RM18,000 dan baru sahaja pertama kali dituai hasilnya dengan nilai jualan RM7,000 kira-kira empat bulan lalu.

Ujarnya, kebun yang diusahakan dengan kebenaran di tanah rezab Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) itu dijangka mengeluarkan hasil kedua kira-kira dua bulan lagi, namun kini banyak hasil yang sudah rosak serta tidak sesuai untuk dibuat jualan.

"Semasa banjir baru-baru ini, air naik terlalu cepat dan saya empat sekeluarga tidak

sempat mahu menyelamatkan bangunan di rumah dan kebun. Kami segera ke pusat pemindahan sementara (PPS) dan masa tu saya fikir, halia kami mungkin sudah hanyut dibawa arus.

"Mujurlah sebaik banjir surut memang semalam (kelmarin), hanya separuh sahaja yang rosak dan hanyut. Buat masa ini, kami akan membersihkan kediaman kami terlebih dahulu sebelum meneruskan semula projek halia kami ini," katanya ketika ditemui Kosmo! baru-baru ini.

Normaheram berkata, walaupun sedih dengan kejadian berkenaan, dia tidak sedikit pun patah semangat untuk meneruskan projek tanaman halia berkenaan.

Menurutnya, sejak menetap di penempatan itu dia menghadapi dua kali banjir besar iaitu pada 2011 apabila air naik sehingga mencecah paras bumbung rumah.



NORMAHERAM menunjukkan projek halianya yang terendam banjir di Tampin baru-baru ini.

RM2.8 juta hasil pertanian, ternakan di Melaka musnah



PENTERNAK kambing antara yang terjejas akibat banjir di Melaka sehingga melibatkan kerugian RM2.8 juta.

MELAKA – Penternak dan petani di negeri ini menanggung kerugian kira-kira RM2.8 juta susulan bencana banjir yang melanda minggu lalu.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Sulaiman Md. Ali berkata, jumlah itu direkodkan oleh Jabatan Pertanian negeri hasil laporan diterima daripada pengusaha yang tampil selepas bencana beransur pulih.

Ujarnya, hasil perbincangan menerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) kelmarin, kerajaan negeri memutuskan untuk membuat permohonan kepada kerajaan Persekutuan bagi mendapatkan bantuan berkaitan isu tersebut.

"Setakat ini anggaran kerugian

yang dialami mereka adalah sebanyak RM2.8 juta melibatkan tanaman kontan, ternakan lembu, kambing dan lain-lain lagi.

"Bagaimanapun, saya tidak dapat memberikan jumlah tepat petani dan penternak yang terjejas kerana semua dapatan ini direkodkan secara berterusan menerusi laporan dibuat," katanya pada sidang akhbar MMKN di Seri Negeri, di sini semalam.

Pada 31 Disember lalu, Melaka dilanda bencana banjir dengan sebanyak 34 kawasan di tiga daerah terjejas dan lebih 2,000 penduduk terpaksa dipindahkan ke 13 buah pusat pemindahan sementara (PPS).

Sehingga pukul 8 pagi semalam, seramai 466 mangsa

terdiri daripada 128 buah keluarga masih ditempatkan di enam buah PPS.

Dalam pada itu, Sulaiman berkata, kerajaan negeri juga bersetuju untuk memberikan pengecualian bayaran penggantian hak milik (berkaitan tanah) yang rosak akibat banjir.

"Pemohon perlu mengemukakan bukti yang mereka terlibat dengan banjir sebelum pengecualian dapat diberikan.

"Selain itu, berkaitan dengan perancangan pembangunan perumahan di kawasan berisiko banjir, kita mahu semua perancangan projek melibatkan lokasi berpaya atau berhampiran sungai melalui kajian terperinci," katanya.

UMT bina rumah ketam renjung

ISKANDAR PUTERI – Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mengambil inisiatif mewujudkan projek rumah ketam di Hua Kee Kelong, Selat Tebrau, Gelang Patah bagi meningkatkan hasil pengeluaran benih ketam renjung di kawasan itu.

Ketua Projek, Dr. Mohamad Nor Azra Md. Adib berkata, langkah itu perlu dilaksanakan setelah hasil tangkapan di kawasan perairan itu berkurangan hampir 70 peratus daripada 5,240 metrik tan pada 2001 kepada 1,471 metrik tan pada 2020.

"Kawasan ini (Selat Tebrau, Gelang Patah) adalah salah satu lokasi yang sangat prolifik untuk ketam renjung betina bertelur.

"Rekod terdahulu oleh Jabatan Perikanan menunjukkan tempat ini merekodkan jumlah tangkapan ketam renjung yang tertinggi di Malaysia, namun mula merosot pada 2020," katanya kepada pemberita semalam.

Nor Azra yang juga Pensyarah Kanan, Institut Bioteknologi Marin itu berkata, bagi menjayakan program itu, ia memerlukan penglibatan oleh pihak industri serta nelayan

tempatan dalam menggalakkan aktiviti pembenihan itu dilakukan sebaik mungkin.

Menurutnya, sebagai galakan kepada golongan nelayan terhadap inisiatif itu, pihaknya akan membeli ketam bertelur itu lebih tertinggi berbanding pasaran iaitu antara RM40 hingga RM45 sekilogram.

"Ketam betina itu akan dimasukkan ke dalam 30 bilik berasingan untuk tempoh tiga ke tujuh hari sebelum menetas.

"Ketam betina yang bertelur di kawasan ini amat penting dalam memastikan ekosistem ketam renjung terkawal dan mampan.

"Program seperti ini diharapkan dapat memastikan kelestarian sumber ketam dapat dikawal, dikekalkan dan dipulihara daripada ancaman penangkapan ketam berlebihan dan perubahan iklim di kawasan ini," katanya.

Menurutnya, penghasilan projek rumah ketam berkenaan menggunakan geran antarabangsa Ocean Leadership Microgrants (Sustainable Ocean Alliance and Environmental Defense Fund) sebanyak RM21,000 (AS\$5,000).



RUMAH ketam yang digunakan untuk meningkatkan hasil pengeluaran benih ketam renjung.

Tengku Ahmad Badli Shah - Presiden, CEO baharu Agrobank

Kuala Lumpur: Agrobank melantik Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin sebagai presiden dan ketua pegawai eksekutif baharunya berkuat kuasa 3 Januari 2022.

Beliau berpengalaman lebih dari 29 tahun dalam industri perbankan dan kewangan.

Pengerusi Datuk Mustapha Buang berkata, pengalaman luas Tengku Ahmad Badli Shah dalam perancangan strategik, pembangunan perniagaan, perundangan dan pembiayaan patuh syariah, ditambah pula dengan kemahiran kepimpinan dan visinya yang kukuh, akan mengukuhkan lagi kedudukan Agrobank sebagai institusi kewangan pertanian terkemuka di Malaysia.

"Pelantikan Tengku Ahmad Badli Shah menandakan dedikasi berterusan Agrobank memastikan kejayaan Pelan Perniagaan Strategik (SBP) 2021 - 2025 yang sedang berlangsung, sekaligus memastikan kelestarian sektor pertanian negara.

Pihak Lembaga Pengarah Agrobank juga yakin bahawa beliau mampu memacu dan menerajui fasa penting Agrobank, seterusnya membantu komuniti yang kurang mendapat perhatian serta mengubah landscape kewangan berasaskan pertanian melangkaui perbankan sejajar dengan panduan yang digariskan dalam pengantaraan berasaskan nilai (VBI)," katanya.

Sementara itu, Tengku Ahmad Badli Shah berkata, Agrobank adalah sebuah institusi kewangan pembangunan (DFI) yang penting dalam membantu membentuk kejayaan masa depan bagi sektor pertanian.

"Agrobank sudah menunjukkan prestasi membanggakan dalam memenuhi peranan yang dimandatkan kepadanya terutama dalam tempoh pandemik Covid-19. Ini menandakan



Agrobank sudah menunjukkan prestasi yang membanggakan dalam memenuhi peranan yang telah dimandatkan kepadanya terutama dalam tempoh pandemik Covid-19. Ini menandakan kejayaan kepimpinan pengurusan bank dan dedikasi serta komitmen"

Tengku Ahmad Badli Shah

kejayaan kepimpinan pengurusan bank dan dedikasi serta komitmen warga kerja Agrobank," katanya.

Sebelum berkhidmat di Agrobank, beliau memegang pelbagai jawatan pengurusan kanan di beberapa institusi kewangan yang besar di Malaysia seperti Pelaburan MARA Berhad (PMB), Kuwait Finance House dan HSBC Bank Malaysia Berhad.

Beliau merupakan Ahli Felo Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM) dan menghadiri Program Kepimpinan Kewangan Islam di Kolej Clare, Universiti Cambridge, United Kingdom dan Program Kepimpinan Eksekutif di Universiti Cornell, Amerika Syarikat.

7/1/2022

SINAR
HARIAN

BISNES SINAR

30

Berpengalaman dalam perbankan dan mampu ubah landskap kewangan sektor pertanian

Tengku Ahmad Badli dilantik CEO baharu Agrobank

KUALA LUMPUR

Agrobank telah melantik Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif baharunya berkuat kuasa 3 Januari 2022.

Beliau berpengalaman lebih dari 29 tahun dalam industri perbankan dan kewangan.

Pengerusi Agrobank, Datuk Mustapha Buang berkata, pengalaman luas Tengku Ahmad Badli Shah dalam perancangan strategik, pembangunan perniagaan, perundangan dan pembiayaan patuh syariah, ditambah pula dengan kemahiran kepimpinan dan visinya yang kukuh, akan mengukuhkan lagi ke-

udukan bank itu sebagai institusi kewangan pertanian terkemuka di Malaysia.

"Pelantikan Tengku Ahmad Badli Shah menandakan dedikasi berterusan Agrobank untuk memastikan kejayaan Pelan Perniagaan Strategik (SBP) 2021-2025 yang sedang berlangsung, sekali gus memastikan kelestarian sektor pertanian negara.

"Pihak Lembaga Pengarah Agrobank juga yakin bahawa beliau mampu memacu dan menerajui fasa penting Agrobank, seterusnya membantu komuniti yang kurang mendapat perhatian serta mengubah landskap kewangan berasaskan pertanian melangkaui perbankan sejajar dengan panduan yang digariskan dalam pengantaraan berasaskan

nilai (VBI)," kata beliau dalam satu kenyataan pada Khamis.

Sementara itu, Tengku Ahmad Badli Shah berkata, Agrobank adalah sebuah institusi kewangan pembangunan (DFI) yang penting dalam membantu membentuk kejayaan masa depan bagi sektor pertanian.

"Agrobank telah menunjukkan prestasi yang membanggakan dalam memenuhi peranan yang telah dimandatkan kepadanya terutama dalam tempoh pandemik Covid-19.

"Ini menandakan kejayaan kepimpinan pengurusan bank dan dedikasi serta komitmen warga kerja Agrobank," katanya. Sebelum berkhidmat di Agrobank, beliau telah memegang pelbagai jawatan peng-

urusan kanan di beberapa institusi kewangan yang besar di Malaysia seperti Pelaburan MARA Berhad (PMB), Kuwait Finance House dan HSBC Bank Malaysia Berhad.

Beliau merupakan Ahli Felo Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM) dan telah menghadiri Program Kepimpinan Kewangan Islam di Kolej Clare, Universiti Cambridge, United Kingdom dan Program Kepimpinan Eksekutif di Universiti Cornell, Amerika Syarikat.

Beliau juga memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, LLB (Kepujian) di Universiti East Anglia, Norwich, England. - *Bernama*



7/1/2022

SINAR
HARIAN

NASIONAL

11

Tiada aduan rasmi harga ikan naik

PUTRAJAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak menerima sebarang aduan rasmi berhubung kenaikan harga ikan di pasaran.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, bagaimanapun kenaikan harga ikan telah dalam pengetahuan pihaknya.

"Tiada aduan yang diterima tetapi ada dilaporkan melalui akhbar," katanya dalam sidang akhbar Majlis Aspirasi Tahun Baharu 2020 dan pelancaran CyCore di kementerianinya pada Khamis.

Menurutnya, orang ramai perlu menyalurkan aduan secara terus kepada pihak KPDNHEP bagi memudahkan kerja-kerja penguatkuasaan.

"Kalau buat (aduan) secara umum,

agak sukar untuk tindakan diambil, seolah-olah mahu membangkitkan perkara tetapi tidak memaklumkan," katanya.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan, musim tengkujuh adalah antara faktor kenaikan harga ikan di pasaran tempatan.

"Kami akan siasat jika ada unsur-unsur pencatutan dan tindakan undang-undang yang sedia ada boleh diambil terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab," katanya.

Sebelum ini, Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) menjangkakan harga ikan di pasaran tempatan pulih dalam tempoh dua minggu lagi.

Berdasarkan laporan, ikan kembung didapati dijual antara RM13 hingga RM17 sekilogram (kg) berbanding hanya RM5kg awal bulan lalu di Kedah.



KPDNHEP tidak menerima sebarang aduan rasmi berhubung kenaikan harga ikan di pasaran.

Strawberries ripe for the picking in Pasir Puteh

IMAGINE walking in your backyard in Kelantan and picking strawberries, despite not living in the cool highlands.

That's exactly what Mohammad Arif Aizat Shukri has been doing since he replanted a strawberry shrub that he bought from Terengganu in November 2019.

The plant grows in the backyard of his home in Selising, Pasir Puteh, reported *Utusan Malaysia*.

The 20-year-old said his experiment was a success and within two years, his backyard was filled with strawberry plants, which bear fruit all year round. They are also sold as seedlings.

Mohammad Arif Aizat said the quality of the fruits was similar to the ones grown in the cooler cli-

mate of Cameron Highlands.

"Even in hot weather, the fruits produced are sweeter than strawberries in the market. This is because they are exposed directly to sunlight.

"Now there are three varieties of strawberries that I cultivate, namely Japanese sweet Charlie, Albion and Angel Eight. There are more than 300 plants that are matured and can be used as a mother plant for re-seeding," he said.

He said as many as 1,000 seedlings and matured plants are ready to be sold at his home nursery.

Each plant is priced between RM10 and RM30.

He has also started a site called Strawberryfarm Selising on social media for people to share matters

related to strawberry cultivation.

> Several freshwater fish pond cultivators in Jempol, Negri Sembilan, lost their fish stock during the recent floods, costing them tens of thousands of ringgit.

Harian Metro reported the plight of Ab Rahim Lembek, 73, who owns 11 fishing ponds.

He lost 13,200 fish, which included tilapia and catfish, when the currents washed them away. The water level during the floods reached about two metres high.

He said that his business, which he started in 2015, saw losses in the tens of thousands of ringgit but he had no choice but to accept his fate.

Ab Rahim said he also lost 150 free-range chickens in the floods,

which was the second worst after the one that hit in 2011.

"All my chickens in the shed died and 60 ducks and five geese are all the livestock I have left because they managed to seek shelter on the roof and nearby trees," he said.

Also facing the same fate is catfish cultivator, A. Ghani Kolan, 80, whose 10,000 catfish died when his fishing pond was damaged during the floods.

His losses are estimated to be around RM10,000.

Freshwater fish cultivator Zainuddin Hamzah, 73, too, has been made about RM20,000 poorer when 5,000 of his fishes including tilapia and tinfol barb species were washed away during the floods.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/1/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

Sayu kutip bangkai ayam kampung, arnab ternakan



Zulkifli mengutip bangkai arnab ternakannya selepas banjir surut di ladangnya di Kampung Ramuan Cina, Lubok Cina, Masjid Tanah pada 18 Disember lalu. - NSTP/HASSAN OMAR

MASJID TANAH: Hati mana tidak sayu melihat lebih 2,000 ayam kampung, 50 arnab dan 1,200 polibeg cili padi musnah akibat banjir yang menyebabkan kerugian lebih RM100,000?

Namun, segala kepedihan itu diterima dengan sabar dan reda oleh usahawan tani, Zulkifli Osman, 55, kerana memahami ujian Allah ada hikmah di sebaliknya.

Zulkifli menjelaskan, ketika banjir besar jam 5 pagi 18 Disember lalu, dia dan beberapa pekerjaanya berusaha untuk menyelamatkan ternakan, tetapi tidak berdaya apabila mendapati air sudah mencecah dua meter ketika itu.



Keadaan ladang ternakan diusahakan Zulkifli di Kampung Ramuan Cina, Lubok Cina, Masjid Tanah ketika dilanda banjir pada 18 Disember lalu. - NSTP/HASSAN OMAR

"Saya larang pekerja masuk ke reban arnab dan ayam kampung kerana bimbang keselamatan mereka, tiada apa mampu kami lakukan selain menahan kesedihan menyaksikannya. Hanya selepas air surut jam 9 pagi keesokannya, barulah kami dapat masuk ke dalam kandang untuk kutip bangkai ayam kampung

dan arnab," katanya.

Zulkifli berkata demikian ketika ditemui selepas menerima kunjungan Timbalan Menteri I Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah yang meninjau kerosakan akibat banjir di Kampung Ramuan Cina Kecil, Lubok Cina, dekat sini semalam.

Katanya, dia memulakan projek penternakan arnab, ayam kampung, kambing, lembu dan penanaman cili padi secara fertigasi di kawasan seluas 1.6 hektar pada 2015 dan sudah beberapa kali menikmati hasil.

"Banjir besar kali ini saya terima dengan reda walaupun terpaksa tanggung kerugian lebih RM100,000. Saya amat berharap Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mampu menghulurkan sumbangan bagi membantu saya membina semula projek ini kerana ia membabitkan modal besar," katanya.

Sementara itu, Ahmad berkata, kajian rambang kementeriannya mendapati kira-kira 5,500 peladang, penternak dan nelayan di seluruh negara yang dilabelkan sebagai 'Wira Agro' mengalami kerugian kira-kira RM69 juta, termasuk 275 orang di Melaka dengan kerugian kira-kira RM2.83 juta, belum mengambil kira mereka di Johor yang masih bergelut dengan bencana banjir.

"Kementerian menyediakan RM100 juta melalui Dana Bangkit Semula Keluarga Agro, selain Tabung Bencana melalui Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA) sebanyak RM80 juta serta Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) sebanyak RM12 juta," katanya.

Beliau memberi jaminan, sebaik sahaja kajian menyeluruh selesai, mereka yang terjejas akan diberikan sumbangan bagi memastikan pengeluaran bahan makanan negara tidak terjejas.

Headline	National agrofood sector suffered over RM67 million in losses due to floods		
MediaTitle	Makkal Osai		
Date	07 Jan 2022	Color	Full Color
Section	News	Circulation	28,000
Page No	6	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	296 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,937
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,812



தேசிய விவசாய உணவுத்துறைக்கு 67 மில்லியன் ரிங்கிட் இழப்பு

அலோர்காஜா, ஜன. 7-
நாட்டின் பல
மாநிலங்களில் பெரு
வெள்ளத்தால்
விவசாயிகளும் 5,000
கால்நடை வளர்ப்பாளர்
களும் பாதிக்கப்பட்டதில்
67.72 மில்லியன் ரிங்கிட்
இழப்பை தேசிய விவசாய
உணவுத்துறையும்
எதிர்கொண்டிருப்பது என்று
விவசாயம், உணவுத்
தொழில்துறை துணை
அமைச்சர் டத்தோஸ்ரி அமாட்
ஹம்ஸா கூறினார்.

மலாக்காவில் 275 கால்
நடை வளர்ப்பாளர்களும்
விவசாயிகளும் விவசாய
உணவுத்துறையும் 2.83
ரிங்கிட் இழப்பை எதிர்
நோக்கி இருக்கின்றனர்
என்றும் அவர் குறிப்பிட்டார்.

வெள்ளப்பெருக்கு ஏற்
பட்ட பகுதிகள் அதிலிருந்து
இன்னும் முழுமையாக மீட்சி
பெறாத நிலையில் இழப்பு
களின் மதிப்பு மேலும்
அதிகரிக்கும் என்று எதிர்
பார்க்கப்படுகிறது.

விவசாயம், உணவுத்
தொழில்துறை அமைச்சின்
கீழ் செயல்படும் விவசாயி
கள் அமைப்பு வாரியம்
உட்பட அனைத்து ஏஜென்சி
களும் வெள்ளத்தில்
பாதிக்கப்பட்ட இடங்களுக்கு
நேரில் வருகை புரிந்து



இழப்புகளையும் சேதங்
களையும் மதிப்பீடு செய்து
வருகின்றன என்று அவர்
கூறினார்.

இங்கு கம்போங் காடேக்
கில் மலாக்கா விவசாயிகள்
நிறுவன வாரியத்திற்கு
வருகை புரிந்த பிறகு செய்தி
யாளர்களிடம் பேசிய
டத்தோஸ்ரி அமாட், நடப்பு
இழப்புகள் மேலோட்டமாகவே
மதிப்பீடு செய்யப்பட்டிருக்
கின்றன. அதிகாரிகளின்
விரிவான மதிப்பீடுகள்,
கணக்கெடுத்தலுக்குப் பிறகு
இந்தப் பாதிப்பு அளவு
அதிகரிக்கும் என்று சொன்
னார்.

வெள்ளத்தில் பாதிக்கப்
பட்ட விவசாயிகளுக்கும்
கால்நடை வளர்ப்பாளர்களுக்
கும் உதவுவதற்கு அரசாங்கம்
அமைச்சின் வழி பல்வேறு
உதவிகளையும் ஒதுக்கீடு
களையும் வழங்குவதற்குத்

தயாராக இருக்கிறது.

வெள்ளத்தில் பாதிக்கப்
பட்ட விவசாய உணவு
உற்பத்தித்துறை உரிமை
யாளர்களுக்கு உதவுவதற்கு
100 மில்லியன் ரிங்கிட்
நிதியை அரசாங்கம் ஒதுக்கி
இருக்கிறது. நெல் பயிர்
பேரிடர் நிதிக்கு 12
மில்லியன் ரிங்கிட்டும்
விவசாய உணவுத் திட்ட
மறு மேம்பாட்டிற்கு 80
மில்லியன் ரிங்கிட்டும்
ஒதுக்கப்பட்டிருக்கிறது.

துணை அமைச்சரின்
இந்த வருகையின்போது
விவசாய, உணவுத்
தொழில்துறை அமைச்சின்
தலைமைச் செயலாளர்
டத்தோ அஸ்லினா அப்துல்
ஹமிட், விவசாய நிறுவன
வாரியத் தலைமை
இயக்குநர் டத்தோ
அஸ்லித்தா சலிம் ஆகி
யோரும் உடனிருந்தனர்.

Harga 'keladi emas 916' sama Civic

Oleh TOREK SULONG

PASIR PUTEH - Tuah bagi seorang penjual baka keladi import apabila memiliki induk pokok keladi luar negara dikenali Alocasia New Guinea Gold yang harganya mencecah lebih RM100,000 se-pokok.

Jika dibuat perbandingan, harga induk berkenaan hampir menyamai jualan sebuah kereta Honda Civic dan Proton X70.

Pemiliknya, Muhamad Fathi Mat Jat, 32, berkata, dia pada mulanya membeli sebatang pokok keladi New Guinea Gold pada harga RM80 sepokok untuk dijadikan induk daripada seorang wanita di Kuala Lumpur lima tahun lalu.

"Kini, induk yang saya miliki setinggi 2.7 meter dan mengikut pasaran harganya lebih RM100,000.

"Induk ini boleh mampu menghasilkan sehingga 2,000 anak pokok sekali gus dan saya bagaimanapun tidak berhasrat untuk menjualnya.

"Keladi ini memiliki keunikan tersendiri apabila tekstur batang



MUHAMAD FATHI menunjukkan baka induk keladi emas 916 yang diiblatkan di rumahnya di kampung Lot 23 Semarak, Pasir Puteh.

pokoknya berwarna kuning keemasan sehingga digelar keladi emas 916 dalam kalangan pemi-

natnya," katanya ketika ditemui Kosmo di sini semalam.

Muhamad Fathi berkata, dia

pada mulanya menanam spesies keladi tersebut sebagai hobi di kawasan rumahnya, namun kini

menjadi salah seorang pembekal baka yang sukar ditemui itu di Kelantan.

Katanya, bagi setiap pokok keladi emas 916 setinggi 10 sentimeter boleh dijual pada harga RM1,000 hingga RM2,000 setiap satu.

Menurutnya, selain New Guinea Gold, dia turut membiakkan 15 jenis keladi termasuk baka dari Jeridian iaitu Black Mabel Taro yang dibeli pada harga RM8,000 daripada seorang rakan.

"Saya juga mempunyai keladi baka induk jenis Mojito dari Jepun bernilai RM25,000 dan anak pokoknya kini boleh dijual pada harga RM100 sepokok. Permintaan untuk pokok keladi ketika ini amat tinggi sehingga ada yang telah membuat tempahan awal untuk pembelian.

"Harga sebatang pokok keladi itu dimulai berdasarkan tekstur seni, bentuk ubi, rupa bentuk daun, serlahan warna, corak dan saiz keladi," katanya.

Tambahnya, selain keladi emas 916, dia turut menjual jenis Topeng Firaun, Mickey Way, Black Lava dan Mojito.

Kerajaan digesa wujudkan industri penghasilan makanan ternakan negara

'Harga dedak sudah naik empat kali'

Oleh NUR ANATI JUHARI

ALOR SETAR – Persatuan Pengguna Kedah (Cape) menggesa kerajaan supaya mewujudkan industri penghasilan makanan haiwan ternakan secara besar-besaran bagi memenuhi permintaan daripada seluruh penternak dalam negara.

Setiausahanya, Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, negara tidak boleh lagi bergantung kepada dedak yang diimport dari luar negara berikutan harga pasarnya tidak menentu.

Katanya, keadaan itu menyebabkan peningkatan harga makanan haiwan ternakan itu sejak kira-kira setahun lalu.

"Kenaikan harga dedak yang kini dijual lebih RM100 sekampit dengan berat 50 kilogram (kg) semakin membebankan penternak.

"Sejak tahun lalu, harga dedak ternakan naik empat kali dan hampir setiap hari saya terima aduan dan keluhan daripada penternak berkaitan kenaikan tersebut," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Katanya, selain harga import dedak tinggi, kenaikan harga juga



KERAJAAN diminta tangani segera kenaikan harga dedak haiwan ternakan sehingga membebankan pengusaha dan orang ramai. – GAMBAR HIASAN

dipercayai berpunca daripada penurunan mata wang negara. Mohamad Yusrizal berkata, pihaknya telah beberapa kali mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan industri makanan

ternakan negara termasuk dalam penghasilan dedak.

"Kita belum nampak sebarang



KERATAN Kosmo! 3 Januari 2022.

usaha yang serius ke arah itu dan berharap kerajaan dapat bertindak segera.

"Kerajaan mungkin boleh keluaran geran kepada anak-anak muda untuk tanam dan hasilkan makanan asas untuk pertanian seperti jagung iaitu salah satu bahan yang digunakan dalam penghasilan dedak," ujarnya.

Tambahnya, kerajaan juga boleh menetapkan harga kawalan dengan menetapkan harga siling bagi makanan haiwan ternakan atau dedak supaya tidak terus naik dan membebankan penternak.

Kosmo! pada 3 Januari lalu melaporkan kenaikan harga dedak yang dikaitkan dengan ketidakstabilan harga ayam terus berlaku pada tahun baharu ini sekaligus mengundang keluhan dalam kalangan penternak.

Dua penternak rugi lebih RM600,000, patah tangan cuba selamat haiwan ternakan 120 ekor lembu 'dihanyutkan' banjir

Oleh FARAHWAHIDA AHMAD

SEGAMAT – Dua penternak kini bagai hilang kata-kata apabila 120 ekor lembu ternakan mereka 'hilang' selepas dihanyutkan banjir dalam kejadian di Batu 7, Jalan Muar di sini, sejak Abad lalu.

Menceritakan kejadian itu, Mohd. Faizal Musa, 43, berkata, dia bersama rakannya, Tey Teng Swee, 60, pada mulanya bercadang mahu memindahkan kesemua 140 ekor lembu pada Isnin lalu sementara menunggu lori.

Bagaimanapun, katanya, hujan lebat berterusan menyebabkan air naik mendadak pada petang Abad lalu dan situasi itu membuatkan mereka panik apabila kandang lembu setinggi 2.43 meter yang diusahakan sejak lima tahun lalu ditenggelami air.

"Tidak sangka air naik begitu cepat. Apabila kami sampai di kandang, kesemua lembu telah hanyut dan ada antaranya dilihat cuba berenang ke tepi daratan.

"Bagaimanapun hujan lebat dan arus yang deras menyukar-



KEADAAAN haiwan ternakan milik Mohd. Faizal dan Teng Swee yang dihanyutkan banjir di Batu 7, Jalan Muar Segamat Abad lalu.

kan lembu-lembu ini untuk menyelamatkan diri. Kami hanya mampu menyelamatkan 20 ekor lembu sahaja ketika itu," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Teng Swee pula memberitahu, dia dan pekerja cuba untuk mengeluarkan kesemua lembu

terbabit tetapi haiwan ternakan itu sudah tenggelam dan keletihan kerana tidak mendapat makan.

"Tambahan lagi, lembu-lembu itu sudah terendam di dalam air banjir yang sejuk. Jadi mereka sudah tiada tenaga untuk bergerak sendiri dan menyukarkan kami

menyelamatkannya," ujarnya.

Dalam usaha menyelamatkan seekor lembu seberat 40 kilogram, Teng Swee mengalami kecederaan patah tangan kiri.

Kesemua lembu ternakan berkenaan adalah lembu pedaging dari baka Brahman,

Charolais, Bali dan Belgian Blue di mana harga pasaran sangat bernilai tinggi.

Anggaran kerugian dalam bencana itu mencecah RM600,000 di samping dedak sebanyak 50 kampak di mana setiap satuinya berharga RM40 yang juga hanyut.

7/1/2022

8

BANJIR

HARIAN

MELANDA

Banjir: Penternak hilang 120 ekor lembu

Kandang lembu yang diusahakan sejak lima tahun lepas hilang sekelip mata ditelan banjir

SEGAMAT

T iada kata yang mampu diungkap, hanya air mata menjadi saksi kehinaan Tey Teng Swee apabila kandang lembu yang diusahakannya sejak lima tahun lepas hilang sekelip mata ditelan banjir di Batu 7, Jalan Muar dekat sini sejak Ahad lalu.

Wajah penternak berusia 60 tahun itu juga kelihatan sugul memikirkan nasib 120 ekor lembu pedaging dari baka Charolais, Bali, Belgian Blue dan Brahman yang masih hilang dalam kejadian banjir yang melanda daerah itu.

Ketika ditemui, Teng Swee berkata, dia tidak menyangka kandang setinggi lapan kaki yang dibina akan ditenggelami air. "Saya dan pekerja cuba untuk mengeluarkan lembu-lembu berkenaan tetapi gagal kerana kawasan sudah dipenuhi air dan haiwan tersebut sudah kelihatan penat kerana tidak diberikan makanan.

"Kumi hanya berjaya menyelamatkan kira-kira 20 ekor lembu dengan menggunakan bot,

FOTO: BERNAMA



Hanya 20 daripada 120 ekor lembu milik Teng Swee yang berjaya diselamatkan selepas dua hari terperungup dalam banjir yang melanda daerah Segamat sejak Ahad lalu.

yang kemudiannya terpaksa ditambah di tepi jalan," katanya yang memakai anduh pada tangan kirinya akibat patuh ketika cuba menyelamatkan lembu-lembunya itu.

Kata Teng Swee, lebih melukukan, biarpun berjaya menyelamatkan sebahagian ternakannya, kebanyakan haiwan ternakannya itu berada dalam keadaan lemah, sehingga ada yang mati akibat kepenatan dan kelaparan.

Menurutnya, walaupun Jabatan Perkhidmatan Veterinar ada membantu dengan memberi

Lebih 17,000 ekor haiwan mati akibat banjir di Pahang

KUANTAN - Seramai 100 pemilik dan penternak di negeri ini kerugian lebih RM1.4 juta berikutan kematian haiwan ternakan mereka dalam bencana banjir baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Veterinar Pahang, Dr Kamaliah Ghazali berkata, berdasarkan rekod sehingga Rabu, jumlah kerugian itu membabitkan sebanyak 17,403 ekor haiwan ternakan dan peliharaan yang dilaporkan mati berbanding jumlah keseluruhan sebanyak 40,473 ekor.

Beliau berkata, jumlah haiwan ternakan yang mati membabitkan lembu sebanyak 307 ekor, selain kerbau (empat), kambing (132), biri-bin (64), ayam (14,849), itik (1,100), anab (210), kucing (12), anjing (lapan), ayam belanda (412) dan lain-lain (305).

"Data perolehan itu bagaimanapun belum lengkap kerana masih ada penternak dan pemilik haiwan tidak melaporkannya disebabkan sukar hendak masuk ke kawasan ladang. Kita percaya jumlah kerugian dijangka meningkat.

"Jadi kita masih sedia menerima laporan berkaitan kematian haiwan dan siapa yang terlibat. Kawasan yang banyak terkesan ialah di daerah Bentong, Pekan dan Kuantan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas program penyerahan sumbangan makanan kucing dan anjing kepada mangsa banjir di Surau Bukit Rangin 2 di sini pada Khamis.

Sementara itu, mengulas lanjut penyerahan sumbangan berkenaan, Dr Kamaliah berkata, seramai 24 penerima menerima sumbangan makanan haiwan kesayangan seperti kucing dan anjing serta tiga penerima lagi menerima makanan lembu.

Menurut Dr Kamaliah, sumbangan itu disampaikan kepada pemilik haiwan yang terjejas dengan musibah banjir baru-baru ini.

"Serakat Rabu, seramai 281 individu yang telah melaporkan dengan jabatan kita berkaitan keterlibatan haiwan di dalam bencana banjir," kata beliau.



Dr Kamaliah (empat dari kanan) menyerahkan makanan kucing kepada salah seorang penerima pada program di Kuantan pada Khamis.

7/1/2022

HARIAN
METRO

LOKAL

2

120 lembu hilang 'ditelan' bah

Penternak pilu usaha sejak lima tahun lalu musnah sekelip mata dalam banjir sejak Ahad lalu

Segamat

Tiada kata yang mampu diungkap, hanya air mata menjadi saksi kehinaan Tey Teng Swee apabila kandang lembu yang diusahakannya sejak lima tahun lepas hilang sekelip mata 'ditelan' dalam kejadian banjir di Batu 7 Jalan Muar, dekat sini, sejak Ahad lepas.

Wajah penternak berusia 60 tahun itu juga kelihatan sugul memikirkan nasib 120 ekor lembu pedaging dari baka Charolais, Bali, Belgian Blue dan Brahman yang masih hilang dalam kejadian banjir yang melanda daerah itu.

Ketika ditemui, Tey berkata beliau tidak menyangka kandang setinggi lapan kaki yang dibinanya akan ditenggelami air.

"Saya dan pekerja cuba untuk mengeluarkan lembu-lembu berkenaan, tetapi gagal kerana kawasan sudah dipenuhi air dan haiwan tersebut sudah kelihatan penat kerana tidak diberikan makanan."

"Kami banya berjaya menyelamatkan kira-kira 20 ekor lembu dengan menggunakan bot, yang kemudiannya terpaksa ditambatkan di tepi jalan," katanya yang memakai anduh pada tangan kirinya, akibat patah ketika cuba menyelamatkan lembu-lembunya itu.

Lebih memilukan, menurut Tey, biarpun berjaya menyelamatkan sebahagian



LEMBU milik Tey kelihatan lemah dan kelaparan selepas dua hari terperangkap dalam banjir yang melanda daerah Segamat sejak Ahad lalu.



ANTARA lembu yang mati kerana lemah setelah meredah banjir yang melanda kandang lembu Tey di Batu 7, Segamat.



HANYA 20 daripada 120 ekor lembu milik Tey yang berjaya diselamatkan.



Saya dan pekerja cuba untuk mengeluarkan lembu-lembu berkenaan tetapi gagal kerana kawasan sudah dipenuhi air dan haiwan tersebut sudah kelihatan penat kerana tidak diberikan makanan"

Tey

ternakannya, kebanyakan haiwan ternakannya itu berada dalam keadaan lemah sehingga ada yang mati akibat kepenatan dan kelaparan.

Beliau berkata walaupun Jabatan Perkhidmatan Veterinar ada membantu dengan memberi bantuan makanan kepada haiwan ternakannya, tetapi dalam keadaan banjir, lembu tersebut tidak mampu untuk bergerak apatah lagi mengharungi air banjir yang deras.

"Saya tidak tahu nak buat apa sekarang, dengan keadaan lembu yang masih lemah... saya harap saya boleh bangkit lagi selepas ini," katanya.

Tey berkata berikutan bencana itu beliau menganggarkan jumlah kerugian sekitar RM600,000 melibatkan empat baka lembu pedaging yang diusahakannya itu.



ZULKIFLI mengutip bangkai arnab selepas banjir surut di Kampung Ramuan Cina, Lubok Cina, Masjid Tanah.

Usahawan tani reda rugi RM100,000

Masjid Tanah: Hati mana yang tidak sayu melihat lebih 2,000 ayam kampung, 50 arnab dan 1,200 poly bag cili padi musnah akibat banjir yang menyebabkan kerugian lebih RM100,000.

Namun segala kepedihan itu diterima dengan sabar oleh usahawan tani, Zulkifli Osman, 55, kerana dia akur dengan ujian Allah SWT.

Zulkifli menjelaskan, ketika banjir besar jam 5 pagi, 18 Disember lalu, dia dan beberapa pekerjaanya berusaha menyelamatkan haiwan ternakan, tetapi tidak berdaya apabila mendapati air mencecah dua meter.

"Saya melarang pekerja masuk ke reban arnab dan ayam kampung kerana bimbang keselamatan mereka. Tiada apa yang mampu



KEADAAN ladang ternakan Zulkifli ketika dilanda banjir.

kami lakukan selain menahan kesedihan menyaksikan haiwan ternakan mati begitu sahaja.

"Hanya selepas air surut pada jam 9 pagi keesokannya, kami dapat masuk ke dalam kandang untuk me-

ngutip bangkai ayam kampung dan arnab," katanya.

Dia sebelum ini menerima kunjungan Timbalan Menteri Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) Datuk Seri Ahmad Hamzah yang menin-

jau kerosakan akibat banjir di ladangnya di Kampung Ramuan Cina Kecil, Lubok Cina, dekat sini, kelmarin.

Zulkifli berkata, beliau memulakan industri penternakan arnab, ayam kampung, kambing, lembu dan penanaman cili padi secara fertisasi di kawasan seluas 1.6 hektar pada 2015.

"Alhamdulillah saya sudah beberapa kali menikmati hasil jualan dan banjir besar kali ini saya terima dengan reda walaupun terpaksa menanggung kerugian lebih RM100,000."

"Saya amat berharap Mafi mampu menghulurkan sumbangan bagi membantu saya membina semula industri itu kerana ia melibatkan modal besar," katanya.

Azolla alternatif makanan ternakan

PETALING JAYA – Pusat Kajian Food Security, Innovation and Development (FinDER), Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik Universiti Utara Malaysia (UUM) mengenal pasti tumbuhan akuatik Azolla sebagai bahan berpotensi untuk dijadikan makanan ternakan.

Isa hasil penyelidikan hubungan isu kenaikan harga makanan ternakan ayam dan lembu yang mendatangkan beban besar terhadap golongan penternak, terutamanya bersaiz kecil.

Ketuanya, Prof. Madya Dr. Risyawati Mohamed Ismail berkata, Azolla tumbuh dengan banyak di kolam air serta sawah padi di pelbagai negara Asia dan terdapat pelbagai spesies Azolla yang berpotensi dikomersialkan dalam bidang makanan serta kosmetik.

"Negara seperti India, Indonesia dan Filipina banyak menggunakan Azolla sebagai makanan ternakan. Usaha yang sama telah dilakukan di sini tetapi kegunaan Azolla belum mencapai tahap yang optimum

dan signifikan untuk menampung keperluan industri ternakan tempatan.

"Kandungan protein yang tinggi (20-30 peratus) dan kandungan asid amino seperti lisin menjadikan Azolla sebagai sumber makanan yang amat sesuai untuk ternakan," katanya dalam satu kenyataan.

Mengulas lanjut, Risyawati berkata, penglibatan FinDER dalam projek penternakan ayam dalam kalangan masyarakat kampung di Kedah sejak 2020 telah membuka mata pihaknya untuk mencari alternatif makanan ternakan bagi manfaat komuniti.

Jelasnya, beliau telah menghasilkan beberapa variasi makanan ternakan untuk anab dan ayam hasil penyelidikan dijalankan yang telah mencapai fasa pre-komersialisasi.

"Pada masa sama, masih terdapat pelbagai cabaran untuk memastikan pertumbuhan Azolla cukup bagi menampung keperluan penyelidikan dan seterusnya keperluan kegunaan secara komersial," jelasnya.



TUMBUHAN Azolla mudah didapati di kawasan kolam dan sawah, serta kaya dengan protein untuk kegunaan haiwan.



ANTARA gajah liar yang memusnahkan tanaman di ladang ternakan lembu dan kambing milik Aqim di Batu 14, Jalan Mersing, Kluang pada Selasa lalu.

Penternak bimbang ancaman gajah liar

KLUANG – Malang menimpa seorang penternak lembu dan kambing apabila ladang yang diusahakan untuk menternak haiwan peliharaannya musnah akibat diceroboh 60 gajah liar di Batu 14 Jalan Mersing di sini Selasa lalu.

Aqim Marzuki, 33, berkata, kehadiran gajah berkenaan bukan sahaja memusnahkan sumber makanan bagi ternakan, tetapi turut merosakkan pintu pejabat miliknya.

"Masalah ini mula muncul selepas kawasan sekitar dilapangkan bagi penanaman semula kelapa sawit menyebabkan gajah-gajah berkenaan terputus bekalan makanan.

"Apa tindakan dan bantuan yang boleh diberikan kepada kami yang kerap berhadapan masalah pencerobohan haiwan liar," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Katanya, pencerobohan ga-

jah liar di ladangnya berlaku sejak 2017 dan aduan sudah dibuat kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Johor dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Kalau dahulu, pencerobohan gajah ini berlaku kira-kira empat kali setahun tetapi sejak awal tahun lalu, setiap bulan haiwan liar itu akan muncul dan merosakkan ladang saya.

"Kejadian terbaharu berlaku Selasa lalu apabila kira-kira 60 ekor gajah memusnahkan rumput yang ditanam untuk makanan lembu dan kambing ternakan. Gajah berkenaan turut memecahkan pintu pejabat kami," katanya.

Menurut Aqim, dia yang menternak lembu dan kambing terpaksa menanggung kerugian RM200,000 akibat pencerobohan gajah liar berkenaan sejak 2017.

7/1/2022

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

32



SEKOR gajah liar yang berjaya dirakam ketika menceroboh ladang milik Aqim Marzuki di di Batu 14, Jalan Mersing di Kluang, Johor. - UTUSAN/NUR NABILAH RAHMAT

Gajah liar perosak

KLUANG: Penduduk di Batu 14 Jalan Mersing di sini kerugian lebih RM200,000 sejak 2017 berikutan ancaman dan pencerobohan gajah liar yang merosakkan tanaman dan ternakan mereka.

Seorang penduduk, Aqim Marzuki, 33, berkata, masalah itu mula muncul selepas kawasan sekitar dilapangkan bagi penanaman semula kelapa sawit yang menyebabkan kawanan gajah terputus bekalan makanan iaitu pelepah sawit.

Katanya, kehadiran gajah berkenaan amat membimbangkan dan menyebabkan mereka terpaksa menanggung kerugian yang berterusan sejak beberapa tahun lalu.

Dalam kejadian terbaharu yang berlaku kelmarin, kira-kira 60 ekor gajah liar muncul

dan merosakkan tanaman milik penduduk.

Katanya, masalah pencerobohan gajah liar ke ladangnya telah diadukan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Johor dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sebelum ini.

"Apa tindakan dan bantuan yang boleh diberikan kepada pengusaha seperti kami ini yang berdepan masalah pencerobohan haiwan liar.

"Kerajaan selalu meminta penternak meningkatkan hasil pengeluaran tetapi apakah jenis bantuan yang diberi kepada penternak" katanya.

Jelas Aqim, masalah itu memang pernah berlaku sebelum ini tetapi pencerobohan gajah terbabit dahulu berlaku kira-kira empat kali setahun.